

# **SOROTAN LITERATUR TERHADAP KESEJAHTERAAN PASANGAN MUDA MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

*A Literature Review on the Well-Being of Young Couples  
According to Islamic Family Law in Malaysia*

**Muhammad Rasydan Junuh**

*Master Candidate, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
amirrasydan89@gmail.com*

**Mohd Norhusairi Mat Hussin**

*Associate Professor, Department of Shariah and Law,  
Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
husairi@um.edu.my*

## **ABSTRACT**

*Marriage is an important institution in shaping the well-being of individuals and society. The wisdom behind the legislation of marriage, such as fostering feelings of sakīnah, mawaddah, and rāḥmah, as well as protecting various aspects of life, including intellect, lineage, and wealth, contributes to a prosperous life. However, marital breakdowns caused by various factors - such as financial problems, attitudes and behaviors, third-party interference, and others - impact the foundation of a harmonious family life. These family-related issues often affect young couples who have been married for less than five years, compared to those with marriage durations of 10 to 15 years or 15 to 20 years. They are also prevalent among couples within the youth age group of 15 to 30 years. Statistics show that divorces occurring within one to five years of marriage have been the most frequent over the past*

*five years. Similarly, divorce statistics by median age record the highest divorce rates among individuals aged 30 to 34, followed by those aged 25 to 29, resulting in 23,000 divorce cases among young couples in a single year. Divorce and marital breakdowns give rise to secondary issues for young couples, such as mental health challenges, domestic violence, depression, economic instability, and other factors that negatively impact their well-being. Consequently, this article examines the issues affecting the well-being of young couples from the perspective of Islamic Family Law. A library-based research method was employed, exploring various sources such as academic writings, newspaper articles, and court case reports to gain an in-depth understanding of the well-being issues faced by young couples from the perspective of Islamic family law. This approach aims to identify opportunities for enhancing the well-being of young couples through further research, legislative and policy development, or empowerment programs for young couples by relevant stakeholders.*

**Keywords:** *well-being, young couples, Islamic family law*

## **PENDAHULUAN**

Pasangan muda yang merujuk kepada pasangan belia adalah komponen penting dalam masyarakat. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh United Nations, populasi 1.2 bilion belia yang berumur 15 hingga 24 tahun adalah penyumbang kepada 16 peratus kepada populasi belia di peringkat global dan diunjurkan akan mencapai 1.3 bilion dari semasa ke semasa (United Nations, tt). Di Malaysia, jumlah populasi belia yang berumur 15 hingga 30 tahun dilihat cenderung meningkat pada masa akan datang meskipun berlaku penurunan jumlah populasi sejak lima tahun kebelakangan ini (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, tt). Hal ini melihat kepada kadar pertumbuhan tahunan yang meningkat kepada 2.1 peratus pada tahun ini (Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Negara, tt). Statistik perkahwinan orang Islam juga meningkat dan umur penengah yang mencatatkan perkahwinan yang tertinggi adalah berumur antara 25 hingga 29 tahun sejak tahun 2018 (Department of Statistics Malaysia, tt). Populasi belia yang ada di negara ini adalah peluang besar dan begitu signifikan dalam merealisasikan hasrat negara untuk mewujudkan komuniti keluarga yang sejahtera dalam masyarakat ke arah membangunkan sosial dan ekonomi negara.

Namun demikian, pasangan muda yang berumur belia di negara ini sering kali menghadapi cabaran hidup seperti tekanan ekonomi, peningkatan kos

sara hidup, pengangguran, kehilangan pekerjaan, penyesuaian hubungan interpersonal, kesihatan mental, akhlak dan sebagainya. Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pasangan muda ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu itu sendiri, malah turut terkesan adalah masyarakat sekeliling. Masyarakat hidup dalam perpecahan apabila berlakunya kes-kes perceraian dan perbalahan dua buah keluarga sehingga membawa kepada pembunuhan. Anak-anak turut terkesan dari pelbagai aspek seperti emosi, ekonomi dan kekurangan kasih sayang apabila ibu bapanya bercerai. Kesemua ini memberi kesan kepada kesejahteraan hidup berkeluarga dan bermasyarakat.

Kajian indeks kesejahteraan umpamanya Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKKM), Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) dan Indeks Belia Negara (IBN) masing-masing menunjukkan tahap sederhana dan baik. Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia yang dilaporkan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) masih pada tahap sederhana sejak penubuhannya iaitu pada tahun 2011, 2016 dan 2019 (Malaysia Population Research Hub, t.t). Begitu juga dengan Indeks Belia Malaysia, skor pencapaian adalah masih di peringkat sederhana bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini iaitu skor, 70.34 (Tahun 2016-2017), 66.98 (Tahun 2017-2019), 68.30 (Tahun 2019-2020) dan 69.79 (Tahun 2020-2021) (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, tt). Bagi Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia pula, laporan menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 dengan skor 117.7 kepada skor 118.3 (Tahun 2021) dan skor 121.2 (Tahun 2022). Pun begitu, indikator kes keganasan rumah tangga dan hutang isi rumah dalam komponen keluarga menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 (Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2021, tt). Begitu juga dengan kadar perceraian yang melonjak tinggi mutakhir ini dibimbangi mengurangkan skor dalam komponen keluarga IKRM.

Berdasarkan isu-isu yang berlaku dalam kalangan pasangan muda yang melanda dan kesannya terhadap kesejahteraan, sorotan literatur menerusi kajian perpustakaan perlu ditinjau dan diteliti untuk memahami secara mendalam berkaitan isu-isu kesejahteraan pasangan muda yang berlaku dari perspektif undang-undang keluarga Islam. Hal ini sekaligus dapat mengidentifikasi peluang-peluang untuk meningkatkan kesejahteraan pasangan muda dan diharapkan rumusan strategi yang lebih berkesan dan komprehensif dapat dilaksanakan untuk menyokong dan memperkuatkan institusi perkahwinan di Malaysia, sekaligus menyumbang kepada pembangunan sosial yang lebih inklusif dan sejahtera. Sorotan literatur dipecahkan mengikut tema-tema sebagaimana berikut.

## **PASANGAN MUDA**

Terma ‘pasangan’ adalah sinonim dengan perkataan ‘jodoh’ yang merujuk kepada pasangan hidup lelaki dan perempuan yang bertemu kemudiannya menjalinkan ikatan pernikahan (Dewan Bahasa Pustaka, tt). Terma ‘muda’ pula lebih sinonim dengan maksud belia sebagaimana dalam kamus Dewan Bahasa Pustaka (Dewan Bahasa Pustaka, tt) yang merujuk kepada seseorang yang berusia 15 hingga 30 tahun menurut Dasar Belia Negara (Kementerian Belia dan Sukan, tt). Di peringkat global, tidak ada definisi yang dipersetujui secara universal mengenai kumpulan umur belia. Walaubagaimanapun, untuk tujuan statistik tanpa menjelaskan definisi yang dibuat oleh Negara Anggota Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), umur belia ialah seseorang yang berumur antara 15 dan 24 tahun (United Nation, tt). manakala di peringkat ASEAN pula, umur bagi belia ialah 15 hingga 35 tahun (Association of Southeast Asian Nations, tt). Ini termasuklah negara Brunei Darussalam yang mentakrifkan umur belia ialah seseorang yang berusia 15 hingga 35 tahun (Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negara Brunei, t.t.).

Menurut Hashim dan Mahmud, pasangan muda di Malaysia umumnya merujuk kepada pasangan yang berumur antara 20 hingga 35 tahun dan telah berkahwin kurang daripada 10 tahun. Pasangan dalam lingkungan umur ini masih dalam proses menstabilkan keadaan kewangan, membina kerjaya, dan menyesuaikan diri dengan kehidupan berumah tangga dan sering kali berdepan dengan cabaran seperti tekanan kewangan dan penyesuaian peranan dalam perkahwinan (Hashim & Mahmud, 2017: 120-135). Rahman pula mendefinisikan pasangan muda sebagai mereka yang berada dalam lingkungan umur 20 hingga 34 tahun. Kajian yang menumpukan kepada isu kesihatan mental dan kesejahteraan pasangan muda menyatakan bahawa tekanan dari tanggungjawab baru sebagai suami isteri dan ibu bapa boleh menjelaskan kesihatan mental mereka. Definisi ini membantu mengenal pasti golongan yang memerlukan sokongan khusus dalam menghadapi cabaran kehidupan perkahwinan awal (Rahman et al., 2019).

Dalam kajian yang lain, pasangan muda menurut Hamid Mohamad @ Asanar, Siti Marziah Zakaria, Jamiah Manap dan Muhamad Ariff Ibrahim ialah pasangan yang berumur 40 tahun dan ke bawah dan memiliki tempoh perkahwinan 1 hingga 10 tahun. Kajian ini membuktikan bahawa pasangan yang berusia 40 tahun ke bawah yang memiliki tempoh perkahwinan di bawah 10 tahun cenderung untuk menghadapi konflik kewangan, masalah komunikasi, dan campur tangan keluarga (Hamid Mohamad et.al, 2021: 64-68). Manakala kajian oleh Asila Nur Adlynd dan Siti Marziah, pasangan muda yang

dimaksudkan adalah lebih tua iaitu berusia 23 hingga 44 tahun dan memiliki tempoh perkahwinan 1 bulan hingga 10 tahun. Kajian ini menumpukan kepada kualiti perkahwinan yang dilalui oleh setiap pasangan dalam tempoh 1 hingga 10 tahun dan mendapati bahawa pasangan yang mencapai kualiti perkahwinan bergantung kepada lima perkara utama iaitu toleransi, saling memahami, saling melengkapi, kematangan diri dan saling hormat-menghormati (Asila Nur Adlynd dan Siti Marziah, 2019: 1-16).

Walau bagaimanapun, statistik, laporan dan kajian terkini mendapati bahawa tempoh dan umur pasangan muda lebih singkat iaitu tempoh 5 tahun perkahwinan dan pasangan berumur 30 tahun ke bawah mencatatkan kes perceraian tertinggi. Statistik perceraian bagi pasangan yang berkahwin dalam tempoh antara 1 hingga 5 tahun adalah paling kerap berlaku dengan 33.9 peratus daripada tempoh perkahwinan 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun dan 16 hingga 20 tahun (Roziana Mat Amin et.al, 2022: 6). Tempoh ini dikatakan paling menduga dan kecenderungan berlakunya konflik antara pasangan adalah tinggi jika dibandingkan dengan fasa 5 hingga 10 tahun, 10 hingga 15 tahun dan 15 hingga 20 tahun (Malaysia Gazette, 2022). Bagi umur pasangan pula, seramai 21,368 pasangan berusia 30 tahun ke bawah didaftarkan bercerai pada usia perkahwinan kurang 5 tahun pada 2020 (Berita Harian, 2022). Hal ini disokong oleh statistik umur penengah oleh Jabatan Perangkaan Negara bahawa umur penengah yang mencatatkan perceraian yang tertinggi adalah berumur 30 hingga 34 tahun dan umur 25 hingga 29 tahun sejak tahun 2018 (Department of Statistics Malaysia, tt).

Merujuk kepada kes MSBMR lwn FNBAW 2022 (10001-055-0032-2022) di MRS Petaling di mana kedua-dua plaintiff dan defendant bernikah pada 10 Disember 2021 dan bercerai pada 19 Januari 2022. Plaintiff yang juga merupakan seorang drafter berpendapatan RM2,950 menfailkan perceraian terhadap defendant, seorang juru ukur bahan berpendapatan RM3,800 disebabkan oleh defendant menjalankan hubungan bersama lelaki bukan muhrim, menolak permintaan suami untuk melakukan hubungan kelamin dan sentiasa mendesak plaintiff untuk melafazkan cerai. Kedua-dua plaintiff dan defendant masing-masing berumur 28 tahun dan 30 tahun semasa perceraian berlaku dan hanya memiliki tempoh perkahwinan 1 bulan sahaja.

Kes yang sama juga turut berlaku dalam tempoh 1 bulan dan melibatkan pasangan berumur 30 tahun ke bawah iaitu kes SMABSS lwn SNABZ 2022 (10005-055-0037-2022) di MRS Hulu Langat di mana plaintiff dan defendant bernikah pada 21 November 2021 dan bercerai pada 12 Januari 2022 pada umur masing-masing 30 tahun. Plaintiff merupakan seorang stock officer berpendapatan RM2,500 dan defendant merupakan seorang Juru Jual

berpendapatan RM2500 bercerai disebabkan oleh tiada persefahaman antara satu sama lain. Dalam keterangan plaintif dan defendant mengatakan bahawa sejak perkahwinan mereka tidak pernah bersetubuh dan defendant mengatakan bahawa sudah tidak ada perasaan terhadap plaintiff meskipun telah mengadakan perbincangan bersama. Dalam kes SHBS lwn INBM 2020 (100022-055-0226-2020) di MRS Klang pula, perkahwinan plaintiff dan defendant yang bertahan dalam tempoh 1 tahun 7 bulan sahaja. Dalam kes ini, plaintiff dan defendant bernikah pada 4 November 2018, masing-masing berumur 27 tahun dan 20 tahun dan bekerja sebagai operator kilang berpendapatan RM1700 dan guru TASKA berpendapatan RM1100. Plaintiff menfaillkan perceraian disebabkan oleh kedua-duanya sentiasa berselisih faham dan tidak bersekedudukan dan berlaku pecah belah dalam rumah tangga. Kedua-dua plaintiff dan defendant telah mengadakan perbincangan bersama kedua-dua belah ahli keluarga namun gagal dan akhirnya mereka bercerai pada 17 Jun 2020.

Keseluruhaninya, pasangan muda yang berumur di bawah 40 tahun dan memiliki tempoh perkahwinan di bawah 10 tahun berdepan dengan konflik kehidupan dan cabaran berkeluarga yang hebat. Tidak kurang juga bagi pasangan muda yang berumur di bawah 30 tahun dan memiliki tempoh perkahwinan di bawah 5 tahun menghadapi cabaran tersendiri, dan realitinya tempoh dan umur pasangan muda ini memiliki kecenderungan yang tinggi untuk berlakunya perceraian berdasarkan kepada statistik dan kes-kes yang dikemukakan. Bertitik tolak kepada isu-isu yang berlaku, perbincangan khusus terhadap pasangan muda yang berumur di bawah 30 tahun dan memiliki tempoh perkahwinan di bawah 5 tahun wajar diperincikan dari pelbagai aspek khususnya aspek-aspek yang menyentuh kesejahteraan hidup mereka seperti ekonomi, sikap, akhlak dan sebagainya.

## **KONSEP KESEJAHTERAAN**

Kesejahteraan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud keselamatan, kesenangan, kesentosaan, ketenteraman yang menjadi tumpuan usaha seluruh manusia untuk mencapainya di dunia dan akhirat (Dewan Bahasa dan Pustaka, t.t). Dalam kamus Webster pula mendefiniskan sejahtera sebagai '*The State of being healthy, happy and free from want*' yang bermaksud suatu keadaan yang sihat, gembira dan bebas daripada segala kemahuan (Merriam-Webster Dictionary, 2015). Begitu juga definisi oleh Khalid 'Abd al-Rahman al-'Ik yang menyatakan bahawa sejahtera bermaksud suatu perasaan bahagia, tenteram, muhibah dan gembira yang berterusan (Khalid 'Abd al-Rahman al-'Ik, 2000). Kesejahteraan akan dapat dicapai sekiranya seseorang itu bebas daripada kemiskinan, kebodohan dan ketakutan yang menyelubungi sehingga dia

memperoleh kehidupan yang aman dan tenteram zahir dan batin sebagaimana pandangan Amirus Sodiq (Amirul Sodiq, 2015: 384). Bukan kehidupan di dunia sahaja, malah demi keselesaan tempat kembali iaitu akhirat dengan memenuhi syarat-syarat tertentu seperti bermatlamatkan kebaikan sepenuhnya, pengekangan diri daripada akhlak yang buruk dan melaksanakan kebaikan dengan niat yang baik (Khalid ‘Abd al-Rahman al-‘Ik, 2000).

Nik Shahrizan Nik Mad, Marzudi Md Yunus dan Muhammad Shamshinor Abdul Azziz menjelaskan lagi definisi kesejahteraan hidup bagi seseorang iaitu apabila keperluan asas, keselamatan dan jaminan diri, kasih sayang, penghormatan, harga diri dan perkembangan potensi dan pencapaian diri dapat dicapai dalam kehidupannya. Kepuasan dan kegembiraan manusia ini haruslah dipenuhi satu persatu setiap tingkatan keperluan tersebut (Nik Shahrizan Nik Mad et.al, 2020: 356). Hal ini disokong oleh Zimmerman yang mendefinisikan sejahtera sebagai gabungan kepuasan dalam domain-domain kehidupan seperti perkahwinan, pekerjaan, waktu lapang, keluarga dan perumahan serta sejauh mana keperluan-keperluan asas kehidupan dapat dipenuhi yang merujuk kepada perkara-perkara perlu untuk hidup, kesihatan, mengelakkan kemudaratan dan kefungsian yang sempurna (Shirley L Zimmerman, 1992). Al-Ghazali dalam menghuraikan kepuasan dalam kehidupan seharusnya dilandasi dengan kesederhanaan sebagaimana agar tidak membawa kepada kehinaan dan kehancuran sekaligus akan mencapai kebahagiaan dan ketenangan menerusi menghayati ajaran Islam melalui keimanan, ketakwaan, kefahaman akidah dan pemantapan ilmu (Syeikh Muhammad al-Ghazali, 1998).

Menurut Orem pula, kesejahteraan merujuk kepada perspektif dan penilaian seseorang terhadap kehidupannya merangkumi pelbagai aspek seperti integrasi sosial, mental, emosi, kerohanian dan ciri sosial. Hal ini berlaku sama ada melalui pengalaman, kebahagiaan, keseronokkan, kerohanian dan kegembiraan dalam hidup (Orem, 1985: 33-36). Al-Attas menambah sisi lain dalam aspek penilaian seseorang terhadap kehidupannya iaitu penilaian ini bukanlah bertumpu kepada kehidupan di dunia semata-mata, malah jauh daripada itu iaitu kehidupan di akhirat kerana sesebuah kebahagiaan dan kesejahteraan ada pertalian dimensinya iaitu kewujudan di dunia dan kewujudan di akhirat (Al-Attas, 2005: 19). Kesejahteraan hidup juga dapat digambarkan satu keadaan cukup (makan minum, pakaian, tempat tinggal), selesa (kedudukan ekonomi), tenang (jiwa, psikososial, kesihatan), segar (persekitaran), harmoni (keadaan yang selamat), dan damai (suasana hidup sekeliling) yang mampu dan memberi makna kepada kebahagiaan hidup seseorang (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, tt). Hal ini berbeza dengan pandangan Fabrice Nimpagartise dan David apabila pengukuran kesejahteraan hidup bertumpu kepada tingkat pendapatan semata-mata (Fabrice Nimpagartise & David, t.t).

Dapatlah disimpulkan bahawa konsep kesejahteraan yang menyeluruh apabila mengambil kira pelbagai aspek sama ada kehidupan di dunia dan di akhirat. Dalam kajian ini, konsep-konsep kesejahteraan yang diketengahkan cuba disuaikan dalam konteks pasangan muda. Kesejahteraan ini merujuk kepada hubungkaitnya dengan matlamat kehidupan bagi pasangan muda. Bagi pasangan muda yang berkahwin, sudah pastinya menginginkan persefahaman antara keduanya untuk tempoh awal perkahwinan. Begitu juga ingin mengekalkan dan mempertahankan rumah tangga dalam fasa yang begitu getir iaitu antara satu hingga lima tahun. Tidak ketinggalan juga kestabilan ekonomi dalam mengharungi fasa ini. Kesemua ini menjurus kepada satu matlamat utama rumah tangga iaitu mendapat sakīnah, mawaddah dan rahmah serta keredaan daripada Allah SWT dengan menjalani kehidupan berumah tangga dengan syariat-Nya.

## **ISU-ISU KESEJAHTERAAN PASANGAN MUDA DI MALAYSIA**

Tidak dinafikan lagi pasangan muda yang berusia 18 hingga 30 tahun dan memiliki tempoh perkahwinan di bawah 5 tahun menghadapi pelbagai cabaran dan konflik dalam kehidupan. Menurut statistik perceraian yang berlaku, trend perceraian orang Islam kembali meningkat pada tahun 2022 dengan peningkatan 45.8 peratus dan menjadikan kes perceraian tertinggi dilaporkan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini di mana kes perceraian bagi orang Islam pada tahun 2018 mencatatkan 40, 269 kes manakala 45, 502 pada tahun 2019, 37 853 pada tahun 2020, 31, 650 pada tahun 2021 dan 46, 138 pada tahun 2022 (Department of Statistics Malaysia, t.t). Statistik perceraian bagi pasangan yang berkahwin dalam tempoh antara 1 hingga 5 tahun pula adalah paling kerap berlaku dengan 33.9 peratus daripada tempoh perkahwinan 6 tahun hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun dan 16 hingga 20 tahun (Roziana Mat Amin et.al, 2022: 6).

Statistik perceraian mengikut umur pula menunjukkan trend yang sama sejak lima tahun kebelakangan ini iaitu bagi umur penengah 30 hingga 34 tahun dan 25 hingga 29 tahun mencatatkan jumlah kes perceraian tertinggi (Department of Statistics Malaysia, t.t). Hal ini disokong oleh kajian Psychology Today yang mendapati bahawa pasangan berkahwin sebelum umur 28 tahun lebih berkemungkinan bercerai berbanding mereka yang berkahwin agak lewat dalam hidup, manakala kajian pada 2013 yang menemu bual 52 pasangan bercerai turut mendapati korelasi kuat antara perkahwinan muda dengan perceraian awal (Theresa, 2016). Keseluruhannya, kira-kira 23 ribu pasangan muda yang bercerai dalam masa setahun (Kosmo Digital, 2023).

Dalam pada itu, isu keganasan rumah tangga dalam kalangan pasangan muda juga sangat membimbangkan. Laporan akhbar utusan Malaysia melaporkan bahawa kes keganasan rumah tangga kebanyakannya melibatkan pasangan berumur 25 tahun dan ke atas di Johor sejak awal tahun 2021 (Utusan Malaysia Online, 2021). Begitu juga dilaporkan di Melaka, ramai pasangan kahwin muda Melaka bercerai kerana terbabit dengan keganasan rumah tangga (Melaka Hari Ini, 2022). Keseluruhananya, sejak tempoh kawalan pergerakan pada tahun 2020, kes keganasan rumah tangga semakin meningkat dengan mendadak daripada tahun 2020 kepada tahun 2021 kemudiannya menurun pada tahun 2022. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) kes keganasan rumah tangga yang berlaku pada tahun 2020 ialah sebanyak 3080 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020) manakala 9,334 kes keganasan dicatatkan pada tahun 2021 dan 8580 kes pula pada tahun 2022 (Kosmo, t.t). Di Selangor, kes keganasan rumah tangga yang berlaku adalah tertinggi berbanding negeri-negeri lain sejak 2020 hingga Ogos 2023 iaitu sebanyak 4960 kes (My Metro, 2023).

Kes-kes keganasan rumah tangga yang berlaku ini sangat memberi kesan kepada perhubungan antara kedua-dua pasangan. Kesan keganasan yang berlaku seperti ugutan, penderaan fizikal juga ekonomi ini bukan sahaja melibatkan fizikal dan tubuh badan semata-mata, malah lebih parah lagi melibatkan gangguan mental dan psikologi bagi mangsa. Hal ini dibuktikan dengan masalah kesihatan mental yang melanda negara semakin membimbangkan (Sinar Plus, 2022) dengan statistik individu yang mendapatkan sokongan menerusi Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) meningkat lima kali ganda berbanding 2021 (Berita Harian Online, 2022). Lebih membimbangkan lagi satu per tiga daripada rakyat Malaysia yang berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental (Harian Metro. New Straits Time, 2022).

Selain daripada keretakan dan keganasan rumah tangga yang berlaku, turut dialami oleh pasangan muda yang berkahwin adalah dari segi kewangan, ekonomi dan pengangguran. Berdasarkan Statistik Pekerjaan dan Perburuhan Siri 32, Bil. 2/2022 Jun yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun adalah meningkat daripada 2,611.9 ('000) orang pada tahun 2020 kepada 2,923.8 ('000) pada tahun 2021 (Kementerian Sumber Manusia, 2022). Memetik laporan akhbar Berita Harian bertarikh 26 Ogos 2022 pula, pasangan muda terpaksa memilih bawah jejambat selepas hilang pekerjaan kerana tidak lagi mampu membayar rumah sewa untuk didiami (Berita Harian Online, 2022). Tekanan kewangan yang dihadapi ini juga menyumbang kepada masalah kesihatan mental (Mohamad Ashaari bin Awab K.B.P.A, 2023) dan berlakunya keganasan rumah tangga (MyMetro, 2022) yang menjaskan kesejahteraan hidup mereka.

Keseluruhananya, isu-isu yang berlaku kepada pasangan muda sangat membimbangkan kerana perkara ini secara jelas memberi kesan kepada kesejahteraan dalam menjalani kehidupan terutama dalam usaha mengekalkan rumah tangga yang telah dibina. Begitu juga dengan usaha-usaha untuk memastikan generasi baharu yang dilahirkan dapat menjalani kehidupan yang lebih baik akan terbantut. Justeru, isu-isu yang berlaku ini perlu dilihat secara mendasar dengan meneliti faktor-faktor yang berlaku untuk memastikan tindakan dan usaha-usaha pencegahan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

## **FAKTOR-FAKTOR KESEJAHTERAAN PASANGAN MUDA DI MALAYSIA**

Kajian literatur berhubung dengan faktor kesejahteraan bagi pasangan muda dapat dirumuskan kepada tiga faktor iaitu hubungan interpersonal, ekonomi dan kewangan serta pengurusan konflik yang baik.

### **Hubungan Interpersonal**

Hubungan interpersonal yang baik adalah antara faktor utama kesejahteraan pasangan muda. Disebabkan oleh tempoh perkahwinan di bawah 5 tahun yang juga merupakan fasa pengenalan antara satu sama lain, maka komunikasi yang baik memainkan peranan penting dalam mengekalkan kebahagiaan dan kesejahteraan bagi pasangan muda. Menurut Giovani Anggasta Setiawan dalam kajiannya, proses komunikasi pasangan suami isteri yang baru menikah sangatlah penting dengan cara memahami dan menjalani peranan masing-masing dalam keluarga, menetapkan prioriti terhadap aktiviti yang menjadi tanggungjawab dalam keluarga dan merangka strategi komunikasi yang disepakati oleh kedua-duanya untuk melakukan apa sahaja yang akan dijalani selama menjalani kehidupan berumah tangga (Giovani Anggasta Setiawan, 2020).

Suzana dalam kajian beliau pula membahaskan lebih mendalam tentang ilmu komunikasi iaitu kebimbangan berkomunikasi dengan pasangan. Hal ini berkait rapat dengan kepuasan perkahwinan bagi seseorang individu. Kajian mendapati bahawa semakin bimbang seseorang individu untuk berkomunikasi dengan pasangannya, maka semakin kurang kepuasan perkahwinan tersebut (Suzana Mohd Hoesni et.al, 2020). Perasaan bimbang dalam komunikasi ini menunjukkan kelemahan dalam perhubungan antara suami dan isteri dan hal ini lebih cenderung untuk wujud ketidaksefahaman antara satu sama

lain. Kajian yang dijalankan oleh Hamid membuktikan bahawa masalah komunikasi sesama pasangan adalah punca kepada konflik dalam rumah tangga. Kemahiran dan teknik komunikasi yang lemah akan memburukkan perselisihan dalam rumah tangga seperti gagal mendengar dengan baik, cepat menghukum dan membuat kesimpulan, mengamalkan komunikasi satu hala, tidak berterus terang dan telus serta mengelak daripada perbincangan (Hamid. et.al, 2021).

Dalam kes AABA lwn NABAK 2020 (10026-055-0322-2020) di MRS Hulu Langat melibatkan plaintiff seorang suami terpaksa menfaillkan kes perceraian kepada defendant seorang isteri disebabkan oleh masalah komunikasi dan tiada persefahaman yang baik menyebabkan rumah tangga mereka sudah tidak ada kasih sayang dan kebahagiaan. Perceraian ini berlaku juga disebabkan oleh sikap plaintiff yang bertindak kasar dan bersangka buruk terhadap defendant sehingga menyebabkan defendant mengalami tekanan mental dan emosi. Pada 13 Julai 2020, plaintiff terpaksa melafazkan cerai di hadapan mahkamah dan pada ketika itu masing-masing berumur 30 tahun dan memiliki tempoh perkahwinan 2 tahun 9 bulan. Kes lain berhubung masalah interpersonal ialah kes ABMN lwn NFBAR 2020 (10026-055-10-6028) di MRS Hulu Langat.

Dalam kes ini plaintiff dan defendant bernikah pada 5 Ogos 2016 dan dikurniakan seorang anak lelaki namun telah meninggal dunia pada 18 Januari 2020. Plaintiff ialah suami kepada defendant menfaillkan perceraian disebabkan oleh defendant mempunyai masalah sikap yang tidak baik seperti bersangka buruk dan terlalu cemburu, gagal mengawal emosi, mengawal tindak tanduk plaintiff termasuklah akaun media sosial dan akaun bank plaintiff serta menceritakan aib rumah tangga di laman media sosial. Disebabkan oleh masalah ini berlarutan meskipun telah mengambil langkah pendamaian seperti memberikan masa dan ruang untuk berubah, plaintiff tetap menfaillkan perceraian dan melafazkan cerai pada 1 Julai 2020.

Berdasarkan sorotan dan kes-kes yang dikemukakan, jelaslah bahawa hubungan interpersonal yang baik seperti komunikasi yang berkesan serta sikap pasangan yang baik akan menjadikan konflik yang melanda pasangan muda dapat diurus dengan lebih profesional. Pasangan yang berjaya menguruskan konflik rumah tangga sama ada menerusi pengagihan tugas yang adil dan komunikasi yang baik (Siti Marziah Zakaria, 2020), dapat mengekalkan perhubungan suami dan isteri dan memiliki tahap kesejahteraan perkahwinan yang lebih tinggi. Kegagalan pasangan muda menguruskan masalah interpersonal ini mengakibatkan keretakan rumah tangga dan membawa kepada perceraian sekaligus memberi impak kepada kesejahteraan hidup berkeluarga.

## **Ekonomi dan Kewangan**

Faktor ekonomi dan kewangan antara faktor utama yang memberi kesan kepada kesejahteraan hidup pasangan muda. Kesejahteraan bagi pasangan muda ini dilihat menerusi keretakan rumah tangga sehingga berlakunya perceraian. Statistik Jabatan Pendaftaran Negara merekodkan sebanyak 17,359 kes penceraian yang disebabkan oleh masalah kewangan dari 2013 hingga Mei 2019 dalam kalangan pasangan muda (PIDM, t.t). Hal ini berpunca daripada ketidakstabilan ekonomi, bebanan hutang, pengurusan kewangan dan sebagainya.

Iman dalam kajiannya melibatkan 120 sampel keluarga muda iaitu berumur di bawah 30 tahun mendapati bahawa pengurusan kewangan mempengaruhi kesejahteraan keluarga secara positif dan tekanan ekonomi mempengaruhi keluarga secara negatif. Hal ini menjadikan keluarga muda sering menghadapi konflik antara suami dan isteri (Iman Teguh et.al, 2015). Tekanan kewangan yang dihadapi ini bukan sahaja melibatkan pasangan tersebut malah kepada keluarga bagi pasangan kedua-dua pasangan dan anak-anak. Hal ini jelas memberi kesan terhadap kepuasan dalam perkahwinan bagi kedua-dua pasangan (Daniel S. Hubler et.al, 2016). Hal ini disokong oleh Muzdalifah Zulkarnain & Zaimah Ramli bahawa kewangan adalah medium penting terhadap kepuasan dan kualiti hidup. Isu-isu kewangan yang terjadi ini menjadi punca perselisihan yang sama dalam hubungan peribadi, perkahwinan dan keluarga (Muzdalifah Zulkarnain & Zaimah Ramli, 2020).

Kajian lepas oleh Brandan E. Wheeler mendapati bahawa kesukaran ekonomi mempunyai hubungan dengan kualiti perkahwinan malah terhadap tingkah laku. Hal ini sekaligus memberi kesan kepada kesejahteraan hidup. Dalam kajian ini menerusi analisis deskriptif mendapati 335 pasangan mengalami tekanan dan kesukaran 30 ekonomi yang rendah pada tahun 2009 dan 2010 dan mengalami kualiti perkahwinan yang agak tinggi bagi tahun 2009 hingga tahun 2011 ( Brandan E. Wheeler et al. (2019). Hasil kajian Sunarti mendapati bahawa tekanan ekonomi keluarga sememangnya berkait rapat dengan kualiti sebuah perkahwinan (Sunarti et.al, 2005). Rumah tangga yang dibina akan terasa bahagia apabila mempunyai kewangan yang mencukupi. Hal ini untuk memastikan keperluan semasa keluarga dapat dipenuhi. Dalam pada itu, status sosial ekonomi keluarga juga akan mempengaruhi kepuasan dan kestabilan dalam rumah tangga (Conger dan Martin, 2010). Hal ini disokong oleh Ahmad Hariri Mohd Saat dan Raihanah Azahari merumuskan dalam kajiannya bahawa rata-rata kajian membuktikan status sosio-ekonomi yang lebih tinggi mempunyai perkahwinan yang lebih stabil berbanding dengan pasangan yang

status sosio-ekonominya lebih rendah (Ahmad Hariri Mohd Saat & Raihanah Azahari, 2021).

Dalam kes NABA lwn MNBJ 2020 (10022-055-0342-2020) di MRS Klang, plaintiff merupakan seorang isteri yang berumur 26 tahun dan defendant merupakan suami berumur 25 tahun dan masing-masing bekerja sebagai peniaga kecil dan pemandu jentera berat. Plaintiff dan defendant bernikah pada 2 September 2016 dan dikurniakan dua orang anak lelaki berumur 2 tahun dan 1 tahun. Plaintiff menfailkan perceraian terhadap defendant disebabkan oleh sikap suka berhutang dengan Ah Long di samping sering mengabaikan tanggungjawab dalam memberikan nafkah zahir kepada plaintiff. Akhirnya, mahkamah memutuskan bahawa permohonan cerai oleh pihak plaintiff diluluskan dan perkahwinan mereka dibubarkan pada 27 Jun 2022.

Dalam kes NEBS lwn MRBW 2022 (10001-055-0211-2022) di MRS Petaling pula mmebuktikan bahawa ekonomi adalah faktor kepada perceraian sekaligus menjelaskan kesejahteraan hidup. Dalam kes ini, plaintiff merupakan isteri kepada defendant bernikah pada 27 Ogos 2018 dan dikurniakan seorang anak prempuan. Plaintiff bekerja sebagai peniaga yang berpendapatan RM1500 sebulan manakala defendant pula bekerja sebagai tukang mengecat kereta dengan pendapatan RM2500 sebulan. Plaintiff menfailkan kes perceraian ini disebabkan oleh masalah kewangan yang serius dihadapi oleh mereka dalam masa yang sama mereka sudah tidak ada persefahaman dalam menyelesaikan isu yang berlaku. Disebabkan oleh alasan yang dikemukakan ini, maka terbubarlah perkahwinan mereka yang hanya bertahan kurang daripada 5 tahun iaitu 3 tahun 8 bulan sahaja.

Justeru, ekonomi pasangan muda dilihat begitu signifikan dalam mengekalkan kesejahteraan hidup berkeluarga. Dengan adanya pendapatan yang stabil melalui ‘Dual-Incomes’ iaitu pendapatan daripada suami dan isteri sebagaimana pandangan oleh Craig dalam kajiannya (Craig, 2020). Begitu juga menurut Lusardi yang lebih memberi penekanan dalam soal ilmu pengurusan kewangan bagi pasangan muda kerana pengetahuan kewangan yang tinggi dalam kalangan pasangan muda berkait rapat dengan kestabilan ekonomi yang lebih baik dan kesejahteraan yang lebih tinggi. Pasangan yang memahami pengurusan kewangan, pelaburan, dan perancangan jangka panjang lebih cenderung untuk mencapai matlamat kewangan mereka dan mengurangkan tekanan ekonomi (Lusardi et.al, 2014). Hal ini turut disokong oleh Nuriman bahawa literasi kewangan yang tinggi dalam kalangan pasangan muda adalah penting untuk mencapai kesejahteraan ekonomi. Pasangan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan yang baik cenderung untuk mengelakkan masalah kewangan dan meningkatkan

kualiti hidup mereka (Nuriman et.al, 2023). Kegagalan pasangan muda dalam menguruskan ekonomi dan kewangan mereka dalam tempoh perkahwinan di bawah 5 tahun ini akan menyebabkan berlakunya keretakan rumah tangga dan berakhir dengan perceraian.

### **Pengurusan Krisis yang Baik**

Menurut Anjani, konflik rumah tangga sering terjadi dalam tempoh antara satu hingga sepuluh tahun perkahwinan (Anjani & Suryanto, 2006). Hal ini terjadi kerana kurangnya kemahiran dalam menguruskan konflik sebagaimana dinyatakan Hendrati. Kegagalan menguruskan konflik ini akan membawa kepada krisis yang lebih besar dalam keluarga iaitu suatu keadaan yang tidak stabil atau tidak tenteram yang boleh terjadi secara tiba-tiba yang lazimnya menatijahkan kesan buruk (Dewan Bahasa Pustaka, t.t). Menurut Abdul Rashid Abdul Aziz dan Nurun Najihah Musa, antara krisis yang berlaku dalam keluarga ialah konflik dalaman dan luaran, keganasan rumah tangga, stres dan kesihatan mental, impak wabak COVID-19, kewangan, dadah dan lain-lain. Krisis ini memberi kesan kepada tekanan psikologi yang akhirnya akan berlaku dengan perceraian andainya tidak ditangani (Abdul Rashid Abdul Aziz & Nurun Najihah Musa, 2023).

Justeru, bagi pasangan yang berjaya menguruskan krisis dengan baik akan mencapai kesejahteraan dalam kehidupan berumah tangga. Kesejahteraan ini dapat dilihat apabila sesebuah keluarga itu terhindar daripada sebarang gejala sosial, mampu membuat keputusan secara positif, dapat mencari nafkah dengan baik dan tidak dibelenggu dengan masalah perceraian. Hasil daripada pengurusan krisis rumah tangga ini bukan sahaja memberikan impak positif antara pasangan malah dapat mengeratkan hubungan yang kuat antara pasangan (Bammeke & Eshiet, 2018).

## **UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA**

Undang-undang kekeluargaan Islam di Malaysia dikenali sebagai Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri yang terpakai kepada orang Islam di bawah bidang kuasa Negeri dan dilaksanakan di Mahkamah Syariah sebagaimana terkandung dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan. Badan perundangan Negeri menggubal undang-undangnya tersendiri berpandukan kepada draf undang-undang Keluarga Islam yang digubal di peringkat Persekutuan (Norainan Bahari, 2019:10). Undang-undang keluarga Islam yang digubal di setiap negeri berbeza dan

telah melalui beberapa siri pindaan, namun intipatinya berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah dan tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Penggubalan undang-undang keluarga Islam ini bertujuan mengawal hubungan kekeluargaan yang merangkumi perkahwinan, perceraian, perwarisan, hak jagaan anak, nasab dan kesahtaraan berteraskan prinsip keadilan, ihsan dan kesaksamaan (Dina Imam et.al, 2024: 183). Undang-undang yang digubal memainkan peranan besar dalam mengawal kehidupan masyarakat dan berfungsi membentuk realiti sosial iaitu keadaan masyarakat yang diidamkan (Shamrahyu Aziz, 2022) iaitu sebuah masyarakat yang sejahtera. Hal ini dapat digarap menerusi dalam undang-undang keluarga Islam yang ada umpamanya perlindungan terhadap keganasan dan kebenaran untuk pihak menuntut cerai, suami atau isteri dan permohonan perceraian fasakh.<sup>1</sup>

Begitu juga dengan penentuan hak penjagaan kanak-kanak berteraskan prinsip kebajikan (Nur Zulfah Md Abdul Salam, 2019), peruntukan nafkah sebagai pengukuhan ekonomi keluarga (Muhammad Ifzal Mehmood, 2016), penjagaan integriti fizikal dan emosi (Martina Purna Nisa, 2021) yang menggalakkan pemeliharaan kesihatan mental dan hak meneruskan kelangsungan hidup selepas perceraian bagi wanita (Yelwa, 2013). Selain itu, kaedah seperti sulk dan mediasi membantu menyelesaikan konflik perhubungan suami dan isteri sekali gus menyelamatkan suami dan isteri membubarkan perkahwinan (Hadenan Towpek et.al, 2023) dan khidmat bantuan guaman sebagai alternatif menamatkan konflik dalam berkeluarga (Rafeah Saidon et.al, 2023). Ini termasuklah penetapan had umur perkahwinan yang begitu signifikan dengan isu-isu kesejahteraan pasangan muda hari ini.

Di Malaysia, had umur perkahwinan adalah selari dengan umur perkahwinan pasangan muda iaitu bermula dengan minimum 16 tahun. Had umur ini diperuntukkan dalam dua undang-undang iaitu Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 bagi orang bukan Islam yang memperuntukkan had umur minimum perkahwinan ialah 18 tahun ke atas bagi lelaki dan perempuan. Bagi orang Islam, had umur minimum perkahwinan bagi orang Islam pada asalnya dinyatakan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984. Kodifikasi undang-undang keluarga Islam ini telah memperuntukkan bahawa seseorang lelaki yang berumur kurang dari 18 tahun dan perempuan berumur 16 tahun adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat keizinan bertulis dari hakim dengan alasan-alasan tertentu.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Seksyen 52, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984

<sup>2</sup> Seksyen 8, Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984.

Peruntukan ini diselaras di negeri-negeri pada tahun 2000-an dengan tujuan bagi memastikan suami dan isteri pada tahap umur yang matang untuk menjalankan tanggungjawab dalam rumahtangga serta mengambil kira maslahah kanak-kanak untuk tidak dikahwinkan. Peruntukan yang wujud ini adalah ruang untuk perkahwinan dilaksanakan mengikut ketetapan syarak serta syarat-syarat lain yang perlu dipenuhi mengikut hukum syarak. Begitu juga dengan permohonan perkahwinan di bawah ketetapan umur dalam undang-undang. Mahkamah mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan permohonan serta menyelidiki pihak-pihak dari segi latar belakang keadaan fizikal dan kemampuannya untuk memikul tanggungjawab sebagai suami dan isteri (Zanariah Noor, 2013: 181). Kini, had umur perkahwinan di negeri-negeri telah melalui pindaan khususnya di negeri Selangor. Had umur minimum perkahwinan mengikut negeri dinyatakan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Had Umur Minimum Perkahwinan Mengikut Negeri di Malaysia

Negeri	Lelaki	Perempuan	Akta/Enakmen/Ordinan
Selangor	18	18	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 2/03)
Wilayah Persekutuan	18	16	Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303)
Kelantan	18	16	Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002 (En. 6/2002)
Terengganu	18	16	Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 (En. 12/85)
Kedah	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (K.P.U. 31/2008)
Perlis	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006 (En. 7/2006)
Pahang	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 (En. 3/05)
Pulau Pinang	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En 5/04 / En. 3)
Melaka	18	16	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 12/02)

Negeri Sembilan	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En. 11/03)
Sarawak	18	16	Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (Bab 43/2001)
Sabah	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 (En. 8/04)
Johor	18	16	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 17/03)

Rujukan: Analisis Pengkaji

Pindaan had umur perkahwinan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor adalah suatu pembaharuan dan pendekatan ke arah memastikan perkahwinan orang Islam berada dalam keadaan baik. Pindaan undang-undang ini wujud disebabkan terdapat implikasi perkahwinan bawah umur yang lebih memberikan kemudaratian kepada kanak-kanak terutama dari aspek kesihatan dan pendidikan. Pindaan ini juga bertujuan menjaga kemaslahatan semasa bagi memastikan kebijakan kanak-kanak perempuan di bawah lapan belas tahun itu dipelihara. Pindaan ini selaras dengan tafsiran kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Seksyen 8 enakmen ini telah dipinda dengan menggantikan perkataan; “*Jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun.*” dengan perkataan “*Jika lelaki atau perempuan itu berumur kurang daripada lapan belas tahun.*”<sup>3</sup>

Tujuan pindaan untuk menjaga maslahah juga dapat dilihat menerusi seksyen baharu iaitu seksyen 8A yang menggantikan subseksyen 18 (2) Enakmen Ibu iaitu EUKIS 2003 yang berkait dengan permohonan untuk berkahwin bagi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun. Proses permohonan bagi perkahwinan ini, perlu melepassi seluruh syarat-syarat permohonan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam seksyen tersebut selain mendapat kebenaran Hakim Syarie. Selain itu, permohonan berkahwin bagi lelaki dan perempuan yang berumur kurang daripada 18 tahun perlulah menyediakan suatu notis permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta affidavit bakal isteri ataupun suami. Hal ini sebagaimana

<sup>3</sup> Seksyen 8, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

diperuntukkan dalam Seksyen 8A (1).<sup>4</sup> Butir-butir permohonan dan afidavit tersebut dinyatakan secara detil dalam seksyen 8A (2).<sup>5</sup>

Keseluruhaninya, dapatlah difahami bahawa undang-undang memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan institusi kekeluargaan terutama dalam penetapan had umur perkahwinan yang digazetkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri supaya perkahwinan yang dilangsungkan diharapkan dapat mencapai *maqasid* dan hikmah pensyariatan perkahwinan. Hal ini termasuklah peruntukan-peruntukan lain yang menjamin kesejahteraan kehidupan berkeluarga.

## **KESIMPULAN**

Hasil sorotan kajian lepas, kepelbagaiannya definisi bagi pasangan muda dapat dilihat oleh para pengkaji. Pasangan muda yang dimaksudkan adalah yang berumur belia sebagaimana ketetapan dalam Dasar Belia Negara namun ada juga yang mengunjurkan pasangan muda adalah berusia 40 tahun. Pasangan seusia ini memiliki tempoh perkahwinan di bawah sepuluh 10 tahun dan dilihat cenderung menghadapi tekanan yang pelbagai seperti kewangan, pengurusan emosi dan sebagainya. Walaubagaimanapun, isu-isu kekeluargaan seperti perceraian, keganasan rumah tangga, ekonomi dan kewangan, kesihatan mental dan sebagainya banyak berlaku dalam kalangan pasangan muda yang berumur di bawah 30 tahun dan memiliki tempoh perkahwinan di bawah 5 tahun sebagaimana laporan dan statistik-statistik terkini. Keretakan rumah tangga yang berlaku seawal usia dan tempoh perkahwinan ini pastinya menjelaskan kesejahteraan hidup dan memerlukan penyelesaian. Bertitik tolak daripada faktor-faktor kesejahteraan pasangan muda iaitu hubungan interpersonal yang baik, ekonomi dan kewangan yang kukuh serta pengurusan konflik yang baik, usaha-usaha ke arah meningkatkan kesejahteraan perlu dilaksanakan. Hal ini termasuklah peranan undang-undang keluarga Islam yang memperuntukkan undang-undang dan peraturan bagi memastikan kesejahteraan hidup berkeluarga dapat dicapai.

Justeru, usaha-usaha seperti penggubalan undang-undang berkaitan harus dilaksanakan seperti penggubalan had umur perkahwinan untuk memastikan isu-isu perceraian di awal perkahwinan dan di usia yang muda dapat dikurangkan. Termasuklah penambahbaikan prosuder perceraian dengan

<sup>4</sup> Seksyen 8A (1), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

<sup>5</sup> Seksyen 8A (2), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

menjadikan sesi kaunseling adalah bersifat mandatori sebelum menfailkan kes di mahkamah dan penambahbaikan modul praperkahwinan dengan membawa isu dan topik yang bersifat praktikal dalam rumah tangga serta menjemput pakar-pakar dalam rumah tangga untuk memberikan perkongsian dan panduan dalam rumah tangga. Perluasan khidmat kaunseling keluarga yang mudah diakses oleh masyarakat juga perlu dilaksanakan supaya konflik yang berlaku dalam keluarga dapat diselesaikan dan diurus dengan sebaik mungkin dan mendapat bimbingan pakar dan profesional. Termasuklah kajian-kajian berhubung kesejahteraan pasangan muda yang seharusnya digiatkan untuk memastikan kesejahteraan keluarga dan masyarakat dapat dicapai.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz & Nurun Najihah Musa. (2023). “Pengurusan Krisis Rumah Tangga dalam Mencapai Kesejahteraan,” *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 8, no.1
- Ahmad Hariri Mohd Saat & Azahari, Raihanah. (2022). “Kesejahteraan Keluarga Menurut Perspektif Islam: Kajian Kualitatif,” *Jurnal Syariah*, vol 29, no. 3, 481-508.
- Amirus Sodiq (2015). “Konsep Kesejahteraan Menurut Islam,” *Jurnal Ekonomi Syariah*, vol 3, no. 2: 384.
- Anis Shuhaida Md Salleh & Noor ‘Aza Ahmad, “Cross Boundary Marriage under Malaysian Family Law:Between a Dream of Life and Reality of Legal Requirements,” *Journal of Politics and Law* 2.3 (2010), 148-155.
- Asila Nur Adlynd binti Mohd Shukry, dan Siti Marziah Zakaria (2019). “Konflik, Penyesuaian Hidup dan Kualiti Perkahwinan Pada Awal Usia Perkahwinan,” *Jurnal Wacana Sarjana*, vol. 3 no. 4, 1–16.
- Bammeke, F., & Eshiet, I. (2018). “Issues in Marital Conflict and Violence: Sociological Analysis of Narratives of Selected Yoruba Women,” *Crawford Journal of Business & Social Sciences (CJBASS)*, vol. 13 no.2, 1-8.
- Camfield, Laura & Streuli, N. & Woodhead, Martin. (2008). Children’s Well-being in Contexts of Poverty: Approaches to Research, Monitoring and Participation. *Young Lives*.
- Conger,R. D., Conger,K. J.,&Martin,M. J. (2010). “Socioeconomic Status, Family Processes, and Indivisual Development,” *Journal of Marriage and Family*, 72, 685-704.
- Craig, L., & Churchill, B. (2020). “Dual-Earner Parent Couples’ Work and Care during COVID-19,” *Gender, Work, and Organization*, 28, 66-79.

- Dina Imam Supaat, Abidah Abdul Ghafar, & Nurfadhilah Che Amani. (2024). Kerentanan dan Perlindungan Undang-undang: Meneroka Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, vol. 36, no. 2, 181-212.
- Donald Collins, Heather Coleman, and Catheleen Jordan 2013. *An Introduction to Family Social Work*, 4th ed. Belmont, Ca: Brooks/Cole, Cengage Learning.
- Giovani Anggasta Setiawan. (2020). “Komunikasi Antra Pribadi Pada Pasangan Suami Isteri Muda yang Isterinya Tetap Bekerja,” *Inter Komunika: Jurnal*, vol. 5, no 2, 1-18.
- Hadenan Towpek, Ahmad Shah Affandie, Zaenudin Hudi Prasojo. (2023). Amalan pengurusan sulh di Jabatan Kehakiman Syariah. *Journal of Shariah Law Research*, vol 8, no. 1, 1–32.
- Hamid Mohamad @Asanar et al. (2021). “Pencetus Utama Konflik Perkahwinan Sepanjang Fasa Pertama Perkahwinan dalam Kalangan Pasangan Muda: Kajian Kes Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, vol. 14, 64–68.
- Hashim, N., & Mahmud, N. (2017). Financial Stress and Marital Satisfaction among Young Couples in Malaysia. *Journal of Social Sciences*, vol.14, no. 2, 120-135.
- Hubler, D. S., Burr, B. K., Gardner, B. C., Larzelere, R. E., & Busby, D. M. (2016). “The Intergenerational Transmission of Financial Stress and Relationship Outcomes,” *Marriage and Family Review*, vol. 52, no. 4, 373–391.
- Iman Teguh, Santoso, Hassan & Razali. (2015). “The Development of K-Workers among Technical Graduates in Batam Universities,” *1st ICCE Proceeding of the 1st International Conference on Character Education*. Tanjung Pinang: STAI Sultan Abdurrahman.
- Khalid ‘Abd al-Rahman al-‘Ik (2000). *Wajibat al-Mar’ah al-Muslimah fi Daw’al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah
- Lusardi, Annamaria and Olivia S. Mitchell (2014). “The Economic Importance of Financial Literacy: Theory and Evidence,” *Journal of Economic Literature*, vol. 52 no. 1, 5-44.
- Martina Purna Nisa. (2021). Critical review of domestic violence as reason for divorce (comparison of divorce laws in Indonesia, Malaysia and the Maldives). *AL-IHKAM: Jurnal Hukum & Pranata Sosial*, vol 16, no. 1, 1–23

- Muhammad Ammar Abd Wahab, Norizan Abdul Ghani and Hafiah Yusof (2018). "Initial Discussion on The Past Studies of Well-Being," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* vol. 8, no. 5, 75-83.
- Muhammad Ifzal Mehmood. (2016). Judicial separation at the wife's initiative: A study of redemption ('Khul') in Islamic law and contemporary legislation in Pakistan and Malaysia. *Journal of Islamic Legal Studies*, vol 2, no. 1, 1-25.
- Nik Shahrizan Nik Mad, Marzudi Md Yunus dan Muhammad Shamshinor Abdul Azziz (2020). "Analisis Faktor-Faktor Kesejahteraan Subjektif dalam Kalangan Peserta Mikro Kredit Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM): Cawangan Kepong, Wilayah Selangor dan Kuala Lumpur Tengah," *Jurnal Melayu Sedunia*, vol. 3, no.1, 356.
- Nora'inan Bahari. "Penggubalan dan Peruntukan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984: Satu Analisis". *Jurnal Syariah* 6 (1998), 10.
- Nurfitriavi Nuriman, Luqyan Tamanni, Indra Indra (2023). Analisis Pengaruh Literasi Keuangan Syariah Terhadap Perencanaan dan Pengelolaan Keuangan Syariah Keluarga Pasangan Muda Pasca Pandemi Covid 19," *Journal of Comprehensive Science (JCS)*, vol. 2, no. 8, 1482-1496.
- Nur Muzdalifah Zulkarnain & Zaimah Ramli. (2020). *Perancangan Kewangan ke Arah Perkahwinan dalam Kalangan Belia*. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam. (2019). Kebajikan anak dalam kes hadhanah di mahkamah syariah. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, vol 6, no. 2, 71–83.
- Orem, Dorothea E (1985). "A Concept Of Self-Care For The Rehabilitation Client," *Rehabilitation Nursing Journal*. Vol. 10, no. 3, 33-36.
- Rafeah Saidon, Mohamad Afandi Md Ismail, Ahmad Thaqif Ismail, Norainan Bahari, Nor Hafizah Haron. (2023). Philanthropy and legal aid: A case study. *International Journal Academic Research in Business and Social Sciences*, vol 13, no. 7, 804-813.
- Rahman, R., Ismail, S., & Wong, C. (2019). "Mental Health and Well-being among Young Married Couples in Malaysia," *Asian Journal of Psychiatry*, vol. 42, 78-85.
- Roziana Mat Amin, Mohd Norhusairi Mat Hussin and Raihanah Abdullah (2022). *Pembubaran Perkahwinan, Nusyuz dan Idah di Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Sheikh Muhammad al-Ghazālī (1998). *Fiqh al-Sirah*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Shin, Doh C., Johnson, D (1978), Avowed happiness as an overall assessment of quality of life. *Social Indicators Research* 5.
- Shirley L Zimmerman (1992). *Family Policies and Family Well-Being*. California: Sage Publication Inc.
- Sunarti,E., Tati, Atat,S., Noorhaisma,R., & Lembayung D. P. (2005). “Pengaruh Tekanan Ekonomi, Dukungan Sosial, Kualitas Pernikahan, Pengasuhan, dan Kecerdasan Emosi Anak Terhadap Prestasi Belajar Anak,” *Media Gizi & Keluarga*, vol. 29, no. 1, 34-40.
- Suzana Mohd Hoesni, Jamiah Manap & Siti Marziah Zakaria. (2020). “Kebimbangan Berkomunikasi dengan Pasangan dan Kepuasan Perkahwinan dalam Kalangan Individu Melayu yang Berkahwin di Lembah Klang, Malaysia,” *Jurnal Psikologi Malaysia*, vol. 34, no. 2, 218-226.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (2005). *Haqiqat al-Sa ‘adah wa Ma ‘naha fi al-Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Wheeler, B.E., Kerpelman, J.L. & Yorgason, J.B (2019). “Economic Hardship, Financial Distress, and Marital Quality: The Role of Relational Aggression.”. *J Fam Econ*, no. 40, 658–672.
- Yelwa, M. I. (2013). Protection of wife’s right to maintenance in Islamic law and its implementation in the Malaysian Islamic family law. *IIUM Law Journal*, vol 21, 209-231.
- Zakaria, . S. M. ., Sarnon, N. ., Omar, F. I. ., Hoesni, S. M. ., & Shafurdin, N. S. . (2018). “Hubungan Antara Konflik Peranan, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Emosi Wanita dwi-Peranan di Lembah Klang,” *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, vol. 5, no. 2, 77-88.

### **Laman Sesawang**

- Association of Southeast Asian Nations. (t.t.). ASEAN Youth Development Index 2022, diakses pada 27 Disember 2023, <https://asean.org/serial/144771/>
- Department of Statistics Malaysia. (t.t). Marriage and Divorce Statistics, Malaysia, 2019-2022, diakses pada 29 Disember 2023, <https://dev.dosm.gov.my/portal-main/release-content/marriage-and-divorce-statistics-malaysia-2022>

- Dewan Bahasa Pustaka, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 2017), entri “Pasangan & Jodoh,” Dbp.gov.my. 2017. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pasangan+jodoh>.
- Dewan Bahasa Pustaka, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 2017), entri “Muda.” Dbp.gov.my.2017. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=muda>.
- Dewan Bahasa Pustaka, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 2017), entri “Kesejahteraan,” Dbp.gov.my. 2017. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kesejahteraan>
- Fabrice Nimpagartise and David Culver (t.t). “A Broder Prespective of Measuring The Well-Being of Rural Farm and Non-farm Households” Food and Agriculture Organization, diakses pada 13 November 2023, [https://www.fao.org/fileadmin/templates/ess/pages/rural/wye\\_city\\_group/2010/May/WYE\\_2010.1.2\\_Culver.pdf](https://www.fao.org/fileadmin/templates/ess/pages/rural/wye_city_group/2010/May/WYE_2010.1.2_Culver.pdf)
- Harith Hisham, “5,050 wanita jadi mangsa keganasan tahun ini” *Kosmo*. 25 November 2023, diakses pada 29 November 2023, <https://tinyurl.com/47jzwzty>
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (t.t.). Facts & Figures Indeks Belia Malaysia 2022, diakses pada 26 Disember 2023, <https://www.iyres.gov.my/images/penerbitan/Facts%20&%20Figures%20Indeks%20Belia%20Malaysia%202022.pdf>.
- Ismail Saadiah, “Perceraian Pasangan Bawah 30 Tahun Beri Kesan Kadar Kelahiran Penduduk,” *Berita Harian Online*. 2 Oktober 2022, diakses pada 6 November 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1007261/perceraian-pasangan-bawah-30-tahun-beri-kesan-kadar-kelahiran>.
- Jamal, Fiqah, “Ramai Pasangan Kahwin Muda di Melaka Bercerai, Terbabit Keganasan Rumah Tangga.” Melaka Hari Ini, 6 Mac 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.melakahariini.my/ramai-pasangan-kahwin-muda-di-melaka-bercerai-terbabit-keganasan-rumah-tangga/>.
- Kementerian Belia & Sukan. (2018). Dasar Belia Malaysia. Diakses pada 20 Januari 2023, 2018. <https://www.kbs.gov.my/info-terkini/1676-dasar-belia-malaysia.html>.
- Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia. (t.t). Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2023, diakses pada 26 Disember 2023, <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/current-population-estimates-malaysia---2023>

- Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negara. (t.t.). Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 diakses pada 26 Disember 2023, <https://www.kkbs.gov.bn/Pages/Dasar-Belia-Negara.aspx>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (t.t.). Analisis Keganasan Rumah tangga di Malaysia Tahun 2020 diakses pada 28 November 2023, [https://hq.moh.gov.my/bpkk/images/3.Penerbitan/2.Orang\\_Awam/5.Kesihatan\\_Dewasa/2.PDF/1\\_Analisis\\_Keganasan\\_Rumahtangga\\_Di\\_Malaysia\\_Tahun\\_2020.pdf](https://hq.moh.gov.my/bpkk/images/3.Penerbitan/2.Orang_Awam/5.Kesihatan_Dewasa/2.PDF/1_Analisis_Keganasan_Rumahtangga_Di_Malaysia_Tahun_2020.pdf)
- Kementerian Sumber Manusia Siri 32 Bil. 2/2022 Jun Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara,” diakses pada 11 Januari 2023, [https://www.mohr.gov.my/ebook/istat\\_bil2\\_2022/Statistik%20bil%202\\_2022.pdf](https://www.mohr.gov.my/ebook/istat_bil2_2022/Statistik%20bil%202_2022.pdf).
- Malaysia Population Research Hub. (t.t.). Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia Meningkat, diakses pada 29 Disember 2023, <https://mprh.lppkn.gov.my/indeks-kesejahteraan-keluarga-tahap-kesejahteraan-keluarga-malaysia-meningkat/>
- Merriam-Webster Dictionary. 2015. Diakses pada 9 Jun 2024, <https://www.merriam-webster.com/>
- Mohamad Ashaari bin Awab K.B.P.A. (2023). Masalah Kewangan Punca Kesehatan Mental Terjejas, diakses pada 29 Disember 2024, [https://bkupm.upm.edu.my/artikel/masalah\\_kewangan\\_punca\\_kesehatan\\_mental\\_terjejas-72584](https://bkupm.upm.edu.my/artikel/masalah_kewangan_punca_kesehatan_mental_terjejas-72584)
- Mohamad Ashyiq Haqimi, “Tekanan kewangan antara punca keganasan rumah tangga,” *MyMetro*. 9 Mei 2022, diakses pada 29 Disember 2024, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/05/840129/tekanan-kewangan-antara-punca-keganasan-rumah-tangga>
- Mohamad Faizal Hashim & Mohamad Faizal Hashim, “12 Kes Keganasan Rumah Tangga Libat Pasangan Umur 25 Tahun Ke Atas.” *Utusan Malaysia Online*, 27 Januari 2021, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/01/12/kes-keganasan-rumah-tangga-libat-pasangan-umur-25-tahun-ke atas/>
- Noor Atiqah Sulaiman, “Masalah Kesihatan Mental Membimbangkan - Khairy.” Berita Harian Online, 10 Oktober 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1010651/masalah-kesihatan-mental-membimbangkan-khairy>.
- Norlida Akmar Idros, “23,000 Pasangan Muda Bercerai Setahun.” Kosmo Digital, June 15, 2023, <https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/apa-sudah-jadi-pasangan-muda-senang-bercerai>.

Nur Izzati Mohamad. "Pasangan Muda Terpaksa Pilih Bawah Jejambat Selepas Hilang Kerja." Berita Harian Online, 26 Ogos 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/993023/pasangan-muda-terpaksa-pilih-bawah-jejambat-selepas-hilang-kerja>.

Perkahwinan: Awal Yang Paling Menduga." Malaysia Gazette. 29 Jun 2022, diakses pada 29 November 2023, <https://malaysiagazette.com/2022/06/29/perkahwinan-awal-yang-paling-menduga/?amp>.

PIDM (t.t). Kesilapan Kewangan Pasangan Muda Yang Baharu Berkeluarga, diakses pada 10 Jun 2024 <https://www.pidm.gov.my/my/laman-informasi/rencana/spk/2022-ms/kesilapan-kewangan-pasangan-muda-yang-baharu-berkeluarga>

Raiham Mohd Sanusi, "Kesihatan Mental Rakyat Malaysia Membimbangkan," Sinar Premium, 5 Jun 2022, diakses pada 11 Januari 2023, <https://premium.sinarharian.com.my/article/190999/fokus/semasa/kesihatan-mental-rakyat-malaysia-membimbangkan>

Selangor catat kes keganasan rumah tangga tertinggi bagi tempoh 2020 hingga ogos 2023." My Metro, 28 Oktober 2023, diakses pada 16 Disember 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1024541/selangor-catat-kes-keganasan-rumah-tangga-tertinggi-bagi-tempoh-2020-hingga>

Shamrayu A. Aziz, "Undang-undang dan kesejahteraan Keluarga Malaysia, pencapaian dan harapan," *The Malaya Post*. 18 November 2022, diakses pada 29 Disember 2024, <https://themalayapost.my/undang-undang-dan-kesejahteraan-keluarga-malaysia-pencapaian-dan-harapan/>

Theresa E. Di Donato, "The Best (and Worst) Ages for Couples to Get Married," Psychology Today, 2016, diakses pada 18 Oktober 2023, <https://www.psychologytoday.com/intl/blog/meet-catch-and-keep/201606/the-best-and-worst-ages-couples-get-married>

United Nation. (t.t.). Global Issues Youth, diakses pada 26 Disember 2023, <https://www.un.org/en/global-issues/youth#Who%20Are%20The%20Youth?>

### **Senarai Kes**

Kes Saman No: 10001-055-0032-2022

Kes Saman No: 10005-055-0037-2022

Kes Saman No: 100022-055-0226-2020

Kes Saman No: 10026-055-0322-2020

Kes Saman No: 10026-055-10-6028

Kes Saman No: 10022-055-0342-2020

Kes Saman No: 10001-055-0211-2022

### **Senarai Statut**

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002 (En. 6/2002)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008  
(K.P.U.31/2008)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 (En. 17/03)

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 (En. 12/02)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En  
5/04 /En.3)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En.  
11/03)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 (En. 8/04)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005 (En. 3/05)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006 (En. 7/2006)

Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985 (En. 12/85)

Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (Bab 43/2001)

Perlembagaan Persekutuan